

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN  
NEGERI PULAU PINANG

OLEH

SHAMSUL HISHAM BIN MANSOR

Sarjana Muda Pengurusan  
( Polisi dan Sekitaran Sosial )

Laporan Latihan Industri Diserah Kepada  
Jabatan Ekologi Sosial  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia  
( KUSTEM )

2005

1.3365

1100039840

Perpustakaan  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

LJ 82 FPE 1 2005



1100039840

## Laporan akhir latihan industri di Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Pulau Pinang / Shamsul Hisham Mansor.




PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU**

**1100039810**

Lihat sebelah



5  
82  
PE  
1  
ans

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN NEGERI PULAU PINANG**

**SHAMSUL HISHAM BIN MANSOR**

**JABATAN EKOLOGI SOSIAL  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)**

**2005**

**1100039840**

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN NEGERI PULAU PINANG**

**Disediakan oleh**

**SHAMSUL HISHAM BIN MANSOR  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL**

**Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada :**

**Jabatan Ekologi Sosial  
Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia  
(KUSTEM)**

**2005**

## **PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN**

Dengan ini saya **SHAMSUL HISHAM BIN MANSOR (UK8015)** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan,



**Nama: SHAMSUL HISHAM BIN MANSOR**

**No. Matrik : UK 8015**

**Tarikh: 20 NOVEMBER 2005**

**Disahkan oleh:**



**Rosyidah Muhamad**  
Pensyarah  
Jabatan Etiologi Sosial  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia

**Penyelia KUSTEM**

**b/p Pengerusi Latihan Industri**

**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**

**KUSTEM**

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Alhamdulillah saya bersyukur ke hadrat Illahi kerana dapat menyiapkan laporan ini. Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengikuti program Latihan Industri di Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Pulau Pinang. Saya juga ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Pulau Pinang yang telah bermurah hati menerima saya untuk menjalani Latihan Industri. Tidak lupa juga penghargaan kepada Penyelia Kustem Pn. Rosyidah Muhamad kerana memberi tunjuk ajar dan perhatian kepada saya untuk menjalani Latihan Industri. Tidak mungkin dilupakan juga kepada En. Mohd Akhbar bin Ghazali iaitu Penyelia Industri kerana membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada saya sepanjang menjalani Latihan Industri. Di sini juga saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada kakitangan dan semua pegawai di bahagian Unit Seranta dan Pendidikan di atas bantuan dan tunjuk ajar yang di beri. Bantuan anda semua amat saya hargai.

Sekian, terima kasih.

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Latihan Industri adalah teras program bagi program-program pengajian di Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE) umumnya. Syarat untuk bergraduat ialah seseorang pelajar itu perlu menjalani Latihan Industri mengikut tempoh seperti yang telah ditetapkan. Sepanjang latihan industri pelatih akan di tempatkan di organisasi awam atau swasta selama 12 minggu iaitu dari 21 Mac 2005 hingga 11 Jun 2005. Pelatih telah memilih Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Pulau Pinang sebagai organisasi untuk di jalankan latihan industri. Jabatan ini dibentuk untuk memastikan keselamatan penggunaan kenderaan bermotor terjamin melalui sistem pengawalseliaan, pelesenan dan pendaftaran yang berkesan.

Melalui latihan industri, pelatih dapat menambah pengetahuan mengenai organisasi yang telah dipilih. Pendedahan mengenai peranan, tanggungjawab terhadap tugas, cara berkomunikasi yang berkesan akan memberi kelebihan kepada pelatih sebagai persediaan untuk menhadapi cabaran sebenar setelah tamat pengajian nanti. Pengalaman menjalani latihan industri di jabatan ini amat bermakna dan ia memberi banyak faedah kepada pelatih dalam memahami dengan lebih lanjut mengenai alam pekerjaan yang sebenar.

Selain itu, melalui latihan industri ini pelatih juga telah membuat analisis SWOT. Tujuan di jalankan analisis SWOT adalah untuk melihat kekuatan, kelemahan, ancaman

dan peluang yang terdapat di jabatan ini. Pelatih juga turut mengenalpasti masalah yang di hadapi oleh jabatan ini dan cuba mencadangkan jalan penyelesaian yang boleh di pertimbangkan.

Laporan ini terbahagi kepada empat bab iaitu, latar belakang organisasi, system sedia ada dan analisis SWOT, mengenalpasti masalah dan cadangan penyelesaian dan bab empat adalah bab penutup. Secara keseluruhannya, laporan ini akan menerangkan mengenai pengurusan dan pentadbiran yang dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dalam memberi perkhidmatan kepada masyarakat dan membangunkan ekonomi negara.